



KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 (80)

Tarikh : 29 APRIL 2022

MBPJ ANJUR PROGRAM TAUTAN KASIH SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Program Tautan Kasih Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Penganjuran program amal ini bertujuan membantu golongan asnaf atau keluarga yang kurang berkemampuan (B40) menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Program ini juga merupakan sebahagian tanggungjawab sosial korporat MBPJ dalam usaha mengeratkan hubungan silaturrahim antara Majlis dan juga penduduk di sekitar Petaling Jaya. Inisiatif ini bertetapan dengan hasrat Majlis mengikut agenda Bandaraya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan @ PJSSR2030 dimana setiap golongan tidak ketinggalan dan diberikan perhatian dengan lebih mesra sewajarnya mengikut keperluan semasa.

Menerusi program tautan kasih pada hari ini, YBrs. Tuan Mohamad Azhan bin Md. Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya, telah menyantuni dan memberikan sumbangan kepada empat keluarga asnaf terpilih seperti berikut:

1. Noor Ekmah Fatihah Binti Ismail
Blok O-02-06, Pangsapuri Petaling Perdana, Jalan PJS 1/21
2. Mohammad Zaki Bin Minhat
Blok O-03-10, Pangsapuri Petaling Perdana, Jalan PJS 1/21
3. Noralia Bt Mansor
Blok E-11-11, Flat Taman Medan Cahaya
4. Hafizah Bt Aiyud
Blok G-0-05, Taman Desaria Fasa 5B, Petaling Jaya

Sumbangan yang diberikan adalah berbentuk wang tunai RM 250.00, barang keperluan harian, makanan kesihatan, barang penjagaan diri (pampers), dan hamper biskut raya. Setiap penerima terpilih ini merupakan golongan B40 yang mempunyai pendapatan kurang RM 2000.00 ke bawah dan juga pemegang status ibu tunggal, warga emas, keluarga yang

mempunyai anak ramai serta mempunyai ahli keluarga / anak kurang upaya (OKU) terlantar. Golongan penerima ini juga berdaftar dalam **Program Pembangunan Komuniti Bandar (PPKB) MBPJ.**

Dalam pada itu, Majlis yang diketuai Datuk Bandar pada pagi hari ini telah melawat keluarga dan waris mangsa kemalangan maut dua orang kanak-kanak perempuan berusia 15 dan 11 tahun, di Taman Medan pada tiga hari yang lalu. Mohamad Azhan telah menyampaikan sumbangan khas kepada keluarga mangsa dan beliau amat bersimpati terhadap musibah yang berlaku kepada keluarga Puan Salinda Kefli yang menetap di PJS 2D/1, Petaling Jaya.

Prihatin terhadap kakitangan MBPJ, Mohamad Azhan turut meluangkan masa melawat serta memberi sumbangan khas kepada dua kakitangan Majlis, Encik Mohd Shahril bin Mohd Ramlie, Pembantu Penguatkuasa MBPJ (penghidap penyakit barah buah pinggang) dan Encik Jefry bin Rosli, Penghantar Notis MBPJ (penyakit barah hati) yang masing-masing di Kampung Lindungan dan Seksyen 4, Petaling Jaya.

Pada 23 April 2022 yang lalu, MBPJ juga telah menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai berjumlah RM 250.00 kepada 60 keluarga B40 di Majlis Iftar Ramadhan, Petaling Jaya Bertarawih 2022. Golongan penerima tersebut merupakan penduduk terpilih yang mendaftar dalam **PPKB.**

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

